

12/09/2003

Petani minta batal pengharaman racun

Minarni Mat Saad

KLANG: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar menghantar rayuan berbentuk kain rentang kepada kerajaan meminta menarik balik pengharaman racun paraquat.

Wakil petani, Makmor Hamdani, berkata rayuan kain rentang yang ditandatangani petani itu meminta kerajaan menarik balik keputusan berkenaan demi masa depan petani di seluruh negara.

Beliau berkata, penyerahan kain rentang itu adalah susulan kepada penyerahan rayuan peringkat kebangsaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 September lalu.

Makmor berkata, petani dan pekebun kecil tidak berpuas hati dengan pengharaman racun berkenaan yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian.

"Keputusan itu tidak disertakan dengan makluman atau penjelasan dari pihak kementerian. Petani hanya mengetahui pengharaman itu dari wakil syarikat yang menjual paraquat," katanya.

Makmor mendakwa, sebahagian besar petani sudah menggunakan paraquat lebih 40 tahun tanpa sebarang masalah dan berdasarkan pengalaman mengusahakan sawah, mereka tahu racun perosak mana yang berkesan dan mana yang tidak.

"Isu membunuh diri yang kami sering dengar menjadi punca kepada keputusan pengharaman paraquat tidak menjadi satu isu kepada kami. Kenapa mesti petani menanggung hukuman akibat pengharaman paraquat hanya kerana sesetengah orang yang menggunakannya untuk membunuh diri. Ini tidak adil kepada kami yang memerlukannya untuk kerja kami dan amat memahami cara penggunaannya," katanya.

Makmor berkata, penarikan balik pengharaman racun itu akan membolehkan petani lebih berdaya saing dalam menghadapi pasaran terbuka.